



**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SUNGAI KARANGAN
09410, PADANG SERAI, KEDAH DARUL AMAN.**

Percubaan 2020

PERATURAN PEMARKAHAN BAHASA MELAYU SPM KERTAS 2



Disediakan oleh :
Meganathan a/l Lachimanan
Guru mata pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan 5

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagikan kepada

- | | | | |
|-----|--------|---|------------------|
| (a) | Isi | - | 20 markah |
| (b) | bahasa | - | 10 markah |

(a) **Isi [20 markah]**

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan:
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan
- nama khas
 - perkataan berganda
 - penggunaan kata sendi di dan ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja yang selebihnya tidak perlu diperiksa.
- (iv) Berikan markah bagi isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah									Markah Maksimum
(i) Pendahuluan										2
(ii) Isi tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16
(iii) Isi tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	
(iv) Penutup / Kesimpulan										2
Jumlah markah										20

Pendahuluan (2 markah)

- P1** Petikan membincangkan **cara-cara / langkah-langkah / pendekatan-pendekatan / tindakan-tindakan / strategi-strategi / inisiatif-inisiatif** meningkatkan pencapaian subjek Sains dan Matematik **di negara kita.**
- P2** Rumusan membincangkan **cara-cara / langkah-langkah / pendekatan-pendekatan / tindakan-tindakan / strategi-strategi / inisiatif-inisiatif** meningkatkan pencapaian subjek Sains dan Matematik dan kepentingan-kepentingan mempelajari kedua-kedua subjek tersebut.

Isi Tersurat (4 hingga 12 markah)

(usaha-usaha meningkatkan pencapaian subjek Sains dan Matematik)

- S1.** setiap pelaksanaan **program pendidikan** negara perlu diperhalus.
- S2.** **Pembudayaan sains dan matematik** hendaklah diterapkan dalam diri pelajar **sewal usia kanak-kanak.**
- S3.** **Sekolah sewajarnya bekerjasama dengan masyarakat** dalam meningkatkan kecemerlangan subjek ini.
- S4.** **Tanggapan negatif masyarakat** tentang kesukaran mempelajari kedua-dua subjek ini perlu diubah.
- S5.** **Kempen kesedaran** tentang subjek Sains dan Matematik dalam kalangan masyarakat mestilah diperhebat.
- S6.** Pihak industri disarankan menjadi **rakan kongsi ilmu** ini dengan institusi pendidikan dalam bidang kerjaya.
- S7.** **Penganjuran pelbagai pertandingan** merupakan antara usaha Kementerian Pendidikan.
- S8.** Pelajar seharusnya menerima gaya pengajaran berdasarkan KBAT.
- S9.** Guru dan pelajar sepatutnya berganding bahu untuk mencapai objektif pembelajaran lebih bermakna.
- S10.** Guru juga perlu sentiasa mengemas kini pengetahuan semasa.

Isi Tersirat (4 hingga 12 markah)
(kepentingan-kepentingan mempelajari kedua-dua subjek tersebut)

- T1.** dapat menggunakan kemahiran sains dan matematik dalam kehidupan / peluang pekerjaan.
- T2.** dengan menyelesaikan masalah dengan lebih yakin / berfikir dengan lebih kritis / kreatif.
- T3.** dapat mencapai cita-cita dalam bidang berkaitan / membuka peluang pelajar untuk melanjutkan pelajaran.
- T4.** lebih bersedia / yakin untuk menghadapi kehidupan yang mencabar.
- T5.** berpeluang untuk bersaing dalam pertandingan berdasarkan sains dan matematik di peringkat global.
- T6.** dapat menghasilkan ciptaan baharu / inovasi.
- T7** dapat melahirkan pakar dalam bidang sains dan matematik dengan lebih normal.

(cadangan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

Kesimpulan (2 markah)
(cadangan dan harapan)

- K1** Kesimpulannya, semua pihak perlu proaktif menyumbangkan tenaga dalam meningkatkan pencapaian pelajar dalam subjek Sains dan Matematik **agar** generasi yang cemerlang dapat dilahirkan.
- K2** Kesimpulannya, pelajar perlu meningkatkan daya usaha mereka untuk menguasai subjek Sains dan Matematik **agar** dapat meningkatkan kemahiran dalam mata pelajaran ini.

(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

Soalan 2(a) - Petikan Umum

(i) Maksud mematikan minat

- menghapuskan / melenyapkan / menghilangkan / memusnahkan impian / cita-cita / harapan / kegemaran / kesukaan / kecenderungan / kecondongan. 2
- **mematikan** impian / cita-cita / harapan / kegemaran / kesukaan / kecenderungan / kecondongan. 1
- menghapuskan / melenyapkan / menghilangkan / memusnahkan **minat** 1

(ii) Sebab-sebab keyakinan pelajar yang tidak menentu terhadap subjek Sains dan Matematik

- P1** kerisauan pelajar terhadap pencapaian subjek Sains dan Matematik.
- P2** kurangnya pendedahan dari aspek kerjaya dalam bidang berkenaan.
- P3** pengaruh rakan sebaya.
- P4** sikap ibu bapa yang tidak menyokong pembelajaran subjek Sains dan Matematik.

[Maksimum : 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Tindakan yang akan saya lakukan untuk meningkatkan prestasi subjek Sains dan Matematik

- P1** berjumpa dengan guru untuk mendapatkan bimbingan yang khusus.
- P2** berbincang dengan rakan yang lebih mahir untuk menguasai topik yang sukar.
- P3** memperbanyak latihan agar lebih mahir menjawab soalan.
- P4** menjadikan rakan yang bijak dalam subjek tersebut sebagai mentor untuk memupuk minat terhadap subjek.
- P5** menghadiri seminar / teknik menjawab / kelas tambahan / tuisyen yang berkaitan dengan kedua-dua subjek ini.
- P6.** mendapatkan bahan pembelajaran dari pelbagai media.

(cara yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]
[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 2(b) - Prosa Moden

(Cerpen : Gerhana Manusia)

- (i) *Profesor Juaiadi tidak mahu Tuan Besar Musa mati kerana*

- P1 korporat, teknokrat yang banyak menyumbangkan dana kepada kelab elit mereka.
- P2 dermawan yang prihatin.
- P3 mereka begitu berhutang budi kepadanya kenana makan malam tahunan mereka yang beratus-ratus ribu ditaja olehnya.

[Maksimum : 2 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

- (ii) *Usaha-usaha untuk memastikan bank darah negara sentiasa mempunyai darah yang mencukupi*

- P1 kerajaan / KKM menganjurkan kempen menderma darah dijalankan setiap minggu di seluruh negara.
- P2 ibu bapa menggalakkan anak-anak menderma darah.
- P3 guru-guru memberi kesedaran kepada murid tentang kepentingan menderma darah.
- P4 media massa menyiarkan iklan tentang pengetahuan derma darah.
- P5 doktor perubatan di hospital boleh menyampaikan ceramah tentang fungsi bank darah kepada masyarakat.
- P6 artis tempatan menderma darah.

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

- (iii) **Satu latar masyarakat dalam petikan :**

- P1 **masyarakat yang baik hati / dermawan.**
Tuan Besar Musa amat baik hati sehingga menaja kelab elit hospital dan majlis makan malam hospital.
- P2 **masyarakat doktor perubatan / hospital / berpendidikan.**
Profesor Doktor Juaidi dan Doktor Murni bertugas sebagai doktor di Unit Rawatan Rapi yang merawat Tuan Besar musa.
- P3 **masyarakat pesakit.**
Tuan Besar Musa dan Solehah merupakan pesakit yang dirawat di Unit Rawatan Rapi.
- P4 **masyarakat yang prihatin / simpati / belas kasihan.**
Doktor Murni bersimpati kepada pesakit lain seperti Solehah yang memerlukan tiga pek darah sahaja.

- P5 masyarakat yang mementingkan darjat / status / kedudukan**
Profesor Dr Juaidi lebih mementingkan pesakit Tuan Besar Musa berbanding pesakit lain kerana Tuan Besar Musa lebih berpangkat.
- P6 masyarakat korporat / teknokrat.**
Tuan Besar Musa merupakan seorang ahli korporat dan teknokrat kerana mampu menaja makan malam tahunan kelab elit hospital itu.
- P7 masyarakat yang mementingkan diri.**
Profesor Doktor Juaidi mengarahkan Nusia untuk mendapatkan 10 pek darah untuk menyelamatkan Tuan Besar Musa walaupun ada pesakit lain yang juga memerlukan darah.

Satu latar masyarakat tidak dalam petikan :

- K1 masyarakat yang berani.**
Doktor Murni berani berhadapan dengan Profesor Doktor Juaidi ketika dia marah. Doktor Murni berani meletak jawatan sebagai doktor.
- K2 masyarakat yang bertanggungjawab.**
Doktor Murni dan Nusia bertanggungjawab menjaga dan merawat pesakit.
- K3 masyarakat yang membazir.**
Profesor Doktor Juaidi membazir penggunaan darah kepada Tuan Besar Musa sebanyak 50 pek darah walaupun tubuh Tuan Besar Musa tidak dapat menerimanya.

***(latar masyarakat lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

[Maksimum : 4 markah]
[Isi cukup : 2 isi (P+K)]

Soalan 2(c) - Prosa Tradisional
(Burung Terbang Dipipiskan Lada)

(i) Tindakan Sultan

- P1 sesaat itu juga ditalak baginda.
- P2 dihantar ke rumah Paduka Raja.
- P3 diberi belanja.
- P4 disuruh berhadir akan berkahwin dengan Seri Nara Diraja.

[Maksimum : 2 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(ii) Perkara yang terjadi antara Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja

- P1 menjadi muafakatlah Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja.
- P2 menjadi berkasih-kasihan seperti saudara sejalan jadi.
- P3 Seri Nara Diraja menyembah Sultan supaya melantik Paduka Raja dijadikan bendahara.

[maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 Isi]

(iii) Usaha-usaha untuk menyatukan kedua-dua pembesar selain perkahwinan

- P1 mengadakan perbincangan / rundingan / musyawarah.
- P2 menggunakan orang tengah untuk mendamaikan mereka.
- P3 Sultan memujuk kedua-dua pembesar supaya bertoleransi.
- P4 menawarkan ganjaran / tanah jajahan / pangkat / mengurniakan gelaran.

***(alasan lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

[maksimum : 3 markah]

Soalan 2(d) - Puisi

(Gurindam Dua Belas Fasal yang ketiga)

- (i) *Kita mesti memelihara telinga dan kaki kerana*

- P1 tidak mendengar / terpengaruh oleh fitnah / umpatan / kata-kata keji
P2 tidak pergi ke tempat yang dilarang / membawa kemudarat / masalah.

[Maksimum : 2 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

- (ii) *Kita disarankan supaya memilih kawan yang baik kerana*

- P1 membantu ketika susah dan senang.
P2 menunjukkan teladan yang baik.
P3 mengelakkan diri terlibat dengan kegiatan yang negatif / tidak bermoral.
P4 kawan yang baik sentiasa mengajak ke arah kebaikan.
P5 bersedia mendengar masalah.
P6 membantu dalam pelajaran.

[maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 Isi]

- (iii) *Pengajaran rangkap 3*

- P1 Kita mestilah mengawal / menjaga pertuturan / percakapan agar memperoleh banyak faedah.

Pengajaran rangkap 5

- P2 Kita hendaklah mengawal nafsu makan supaya tidak melakukan perbuatan yang tidak senonoh.

[maksimum : 3 markah]

Soalan 3

Markah penuh dibahagikan kepada

Soalan 3(a) : **6** markah

Soalan 3(b) : **6** markah

Soalan 3(c) : **6** markah

Soalan 3(d) : **6** markah

Soalan 3(e) : **6** markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah imbuhan, berikan 0 markah.
6. Isi tidak jelas, berikan $\frac{1}{2}$ markah.
7. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
8. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
9. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.

Jawapan 3(a)

(i) bercampur

- a. bergaul (bergaur, berkacau) menjadi satu
- b. berkawan, bergaul.

(ii) campuran

- a. sesuatu yang bercampur
- b. benda-benda yang dicampurkan atau untuk dicampurkan.
- c. gabungan, sebatian.

(iii) berhias

- a. berdandan diri dengan pakaian (barang kemas) yang cantik, berkemas diri dengan barang yang indah-indah.

(iv) hiasan

- a. segala yang digunakan untuk menghiasi sesuatu.

(v) bertempat

- a. mempunyai tempat, tinggal (diam, duduk).

(vi) tempatan

- a. yang berkaitan dengan tempat bertentu, di tempat itu sendiri.

Jawapan 3(b)

(Pola ayat)

- i. Rakyat Malaysia / perlu bekerjsama untuk memperkuuh keamanan negara.
FN+FK
- ii. Baju kebaya bercorak songket itu / sungguh cantik.
FN+FA
- iii. Kumpulan pelajar kolej itu / ke hutan simpanan untuk menjalankan penyelidikan.
FN+FSN
- iv. Cikgu Tan CL / guru mata pelajaran Bahasa Melayu di Kolej Vokasional Kulim.
FN+FN
- v. Hadiah itu / untuk murid-murid yang mendapat tahap penguasaan cemerlang dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah.
FN+FSN
- vi. Sejak lima tahun yang lalu (F Keterangan), Amira (subjek) bertugas sebagai wartawan sambilan di Syarikat Percetakan Gemilang (predikat).
FN+FK

Jawapan 3(c)

(i)	pra syarat mengajar	-	prasyarat pengajaran
(ii)	siling pembuangan	-	syiling membuang
(iii)	masaalah perlepasan	-	masalah pelepasan

Jawapan 3(d)

- | | | | |
|-------|--------------------------------|---|-------------------------|
| (i) | diutamakan oleh saya mengikuti | - | saya utamakan menjalani |
| (ii) | semua pengguna-penguna isu | - | semua pengguna kes |
| (iii) | angkatan kepada | - | rombongan untuk |

Jawapan 3(e)

- (i) tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.
- (ii) melentur buluh biarlah dari rebungnya.
- (iii) duduk sama rendah, berdiri sama tinggi / kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapak.

Soalan 4
Markah penuh **15 markah**

Panduan pemarkahan bagi soalan 4.

Soalan 4 (a)

- i. Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dikaji.
- ii. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- iii. Beri 1 markah bagi setiap peristiwa menarik minat murid.
- iv. Beri 1 markah bagi setiap sebab jelas. (1+1)
(pastikan murid menyatakan peristiwa yang menarik minat dan sebab yang relevan. Sekiranya, murid hanya menyatakan sebab sahaja tanpa peristiwa 0m)
- v. Markah isi maksimum 4 markah.
- vi. Markah bahasa maksimum 3 markah.
- vii. Markah bahasa diberi secara *impression*.
Baik : 3 markah
Sederhana : 2 markah
Lemah : 1 markah
- viii. Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
- ix. Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 7 markah]

Soalan 4 (b)

- i. Jawapan berdasarkan dua novel yang dipelajari.
- ii. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- iii. Beri 1 markah bagi setiap pernyataan nilai kegigihan.
- iv. Beri 2 markah bagi setiap peristiwa / huraian yang lengkap / jelas. (1+1)
- v. Sekiranya calon gagal mengemukakan pernyataan nilai kegigihan yang betul, jawapan calon dianggap salah. (0m)
- vi. Markah isi maksimum, 6 markah.
- vii. Markah bahasa maksimum, 2 markah.
- viii. Markah bahasa diberi secara *impression*.
Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah
- ix. Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
- x. Calon tidak menjawab, 0 markah.

[Maksimum: 8 markah]

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT